



Siaran **AKHBAR**

UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100-2/1/2 Jld 2 (35) 01/11

PROGRAM SUKARELAWAN iM4U PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

KUALA LUMPUR, 11 November, 2017 – Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) Cawangan Kementerian Pertahanan Malaysia memilih Sekolah Menengah Kebangsaan Desa Tun Hussein Onn (SMK DTHO) bagi penganjuran Program Sukarelawan iM4U pada kali ini.

Program yang bertemakan iM4U PUSPANITA Kementerian Pertahanan-Prihatin telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha selaku penasihat PUSPANITA Kementerian Pertahanan.

Ketibaan YBhg. KSU bersama YBhg. Datin Sri Zahrah binti Che Hussain Pengerusi PUSPANITA Kementerian Pertahanan disambut oleh YBhg. Puan Sri Datin Sri Zaleha bt Md Yusof, YDP PIBG SMK DTHO. Program yang dijalankan seawal jam 8 pagi itu turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Halimi bin Abd Manaf TKSU (Pembangunan), YBhg. Dato' Mohd Zainy Bin Mohamed Zain TKSU (Pengurusan), YBhg. Dato' Mohmed Asri Bin Yusof (KP JLKN) dan YBhg. Mej Jen Dato' Mohamad Khir Bin Abdullah (KP JHEV).

Seramai 250 peserta yang terlibat dalam menjayakan program ini antaranya adalah agensi dan jabatan kerajaan seperti Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV), Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN), warga ATM serta Persatuan PIBG dan pelajar SMK DTHO. Pelbagai aktiviti amal telah dilaksanakan antaranya ialah pembersihan kawasan sekitar, mengecat dinding, menyusun peralatan serta buku-buku dan menggantikan peralatan yang rosak dan lusuh.

Selain daripada itu, gerai-gerai jualan turut dibuka oleh pihak penganjur serta PIBG Sekolah dalam usaha memeriahkan lagi suasana pada program berkenaan. Acara santai iaitu mengacau bubur asyura turut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada semua pihak yang hadir.

Dalam majlis yang sama, pihak PUSPANITA Cawangan Kementerian Pertahanan turut menyampaikan sumbangan bantuan kebajikan pendidikan kepada tujuh orang anak veteran ATM yang melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Tempatan dalam pelbagai jurusan peringkat Sarjana Muda dan Diploma.

Penganjuran program ini bertujuan untuk menjalinkan siratulrahim di antara ahli PUSPANITA Kementerian Pertahanan bersama agensi dan jabatan kerajaan yang terlibat disamping memberikan persekitaran yang lebih kondusif serta ceria kepada sekolah dan pelajar selaras dengan objektif utama PUSPANITA iaitu berkhidmat untuk masyarakat dengan slogan Dari Rakyat Untuk Rakyat.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi **Lt Mariani Mohamad Rafali TLDM, Pegawai Perhubungan Awam, Unit Komunikasi Strategik** di talian **019-2624408**.

"TRANSFORMASI MELALUI INOVASI"

Unit Komunikasi Strategik
Kementerian Pertahanan Malaysia
11 November 2017


LT KOL SALAWATI BINTI YAHAYA
Ketua Perhubungan Awam
Unit Komunikasi Strategik
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA